

SABDA BUDDHA
Sayings of the Buddha

Oleh : Bhante Dr. K. Sri Dhammananda
Penterjemah : Hong Tai Fook
K. Don Premaseri

Pemberian yang Tertinggi

Pemberian kebenaran melebihi
segala pemberian lain.

Menerima kebenaran

Jika anda menemui kebenaran
di dalam mana-mana agama pun,
anda harus mengiktiraf kebenaran tersebut.

Melihat Buddha

Sesiapa yang mengerti ajaran saya
dapat melihat saya.

Berkhidmat kepada Buddha

Sesiapa yang berkhimat kepada mereka
yang sakit sesungguhnya berkhidmat
kepada saya.

Hukum Abadi

Di dalam dunia ini, kebencian tidak dapat
dilenyapkan dengan kebencian.
Kebencian hanya dapat dilenyapkan
dengan kasih sayang suci.
Ini merupakan hukum alam semulajadi.

Dunia di dalam Diri Anda

Menghayati tubuh ini dengan fikiran dan
pengamatan penuh, saya dapat melihat
dunia, asal kewujudan dunia, kemasuhan
dunia dan jalan ke arah penamat dunia.

Minda adalah Perancang

Minda merupakan pemimpin dunia serta
penentu arah dunia. Setiap individu
mempunyai kuasa ke atas mindanya sendiri
(kalau dia ingin serta berusaha
mengawalnya).

Dua jalan yang berbeza

Satu jalan yang membawa kejayaan duniawi,
satu jalan lagi menuju ketidakmatian
(kebahagiaan mutlak yang abadi).

Kesemuanya tidak berkekalan.

Semua unsur yang bersyarat (kepada perubahan alam semesta) tidak berkekalan.

Apabila seseorang menatapi hakikat ini dengan penuh kebijaksanaan, mereka tidak lagi berniat untuk menempuh penderitaan.

Kejahilan

Disebabkan anda tidak memahami dan tidak menghayati Empat Kebenaran Mulia yang menyebabkan anda sekian lama mengharungi kitar hidup Samsara yang berterusan dan berpanjangan ini.

Hari yang Bertuah

Seseorang yang jahil akan menanti kedatangan hari yang bertuah. Sebaliknya setiap hari merupakan hari yang bertuah bagi seseorang yang rajin berusaha.

Perpautan kepada Dunia

Rahsia untuk mengecapi kebahagiaan dengan membebaskan minda daripada perpautan duniawi.

Pengetahuan yang Cetek

Sesiapa yang jahil bertambah tua seperti keldai. Tubuhnya membesar tetapi bukan kebijaksanaannya.

Hidup berharga untuk Semua

Semua rasa gementar tatkala terpandang senjata. Semua takutkan kematian. Kalau berprihatin terhadap orang lain seperti untuk diri sendiri, seseorang tidak akan sama sekali membunuh atau menyebabkan terjadinya pembunuhan.

Agama untuk Diamalkan

Agama ini untuk dipelajari dan diamalkan, bukan sekadar dipelajari dan dipercayai terus tanpa soal-siasat.

Pembuat Kejahanatan akan merana

Pembuat kejahanatan tidak akan berpuas hati di dalam kehidupan sekarang dan juga kehidupan yang akan datang. Dia tiada kepuasan di dalam kedua-dua dunia. Dia merana dan memusnahkan hidupnya dengan perbuatan jahatnya sendiri.

Berwaspada dan kecuaian

Tindakan berwaspada merupakan jalan menuju keabadian. Kealpaan merupakan jalan ke arah kematian. Seseorang yang berwaspada tidak akan mati. Seseorang yang alpa seolah-olah sudah pun mati.

Betul-betul bodoh

Seseorang jahil yang sedar akan kebodohnya sekurang-kurangnya mempunyai kebijaksanaan setakat itu. Akan tetapi seseorang jahil yang berpendapat dirinya bijak sebenarnya betul-betul bodoh.

Kemuliaan yang Tertinggi

Sikap toleransi, kesabaran dan bertimbang rasa merupakan nilai kemuliaan tertinggi yang patut dipupuk oleh setiap individu.

Kehidupan yang Benar

Kehidupan yang benar berlandaskan Jalan Tengah memberi pengetahuan dan pemahaman yang menuju kesedaran yang mendalam, memimpin ke arah ketenangan dan kebijaksanaan serta kesedaran sempurna – Nibbana.

Seseorang yang Bertuah

Sesungguhnya bertuah mereka yang menyara kehidupan mereka tanpa menyakiti orang lain.

Melatih diri

Memiliki pengetahuan yang luas, kemahiran yang tinggi, bertatasusila serta mempunyai pertuturan yang lemah-lembut.
Sesungguhnya inilah berkat.

Kewajipan Anda

Menyara ibu bapa, menyayangi isteri dan anak-anak. Sesungguhnya inilah berkat.

Bertindak dengan Bijaksana

Tidak bargaul dengan mereka yang jahil,
bergaul dengan mereka yang bijaksana,
menghormati mereka yang wajar dihormati,
Sesungguhnya inilah berkat.

Budi Bahasa di dalam Tingkah laku

Jangan seseorang menipu orang lain atau menghina orang lain walau di mana sekali pun. Walaupun berada di dalam keadaan

marah ataupun benci, dia tidak sekali-kali harus menyakiti orang lain.

Yang tidak bersalah

Sesiapa yang menyakiti mereka yang tidak bersalah pasti menanggung akibat perbuatannya, seperti debu yang dibuang melawan angin terpecik di muka sendiri.

Tingkah laku yang Buruk

Individu yang kurang biadap, pemabuk, penjudi, pemboros serta mereka yang membazirkan segala yang dimilikinya – sesungguhnya ini merupakan punca kejatuhan mereka sendiri.

Jauhi Perbuatan Jahat

Hentikan kejahatan, ia memang dapat dilakukan. Jika kejahatan tidak dapat dihentikan, saya tidak akan berkata sedemikian. Memandangkan perbuatan ini dapat dilakukan, saya nasihatkan anda untuk menghentikan kejahatan.

Perbezaan Kasta/Status

Sebagaimana air sungai-sungai besar seperti Ganga, Yamuna, Aciravati, Sarabhu dan

Mahi setelah mengalir ke laut tidak dikenali dengan nama asal, sekadar dikenali sebagai lautan. Begitu juga bagi mereka yang berbeza kasta dan darjah, apabila mendalamai ajaran Buddha dan mengikuti peraturan-peraturan yang diajar oleh Buddha dan melepaskan kehidupan duniaawi untuk menuju kehidupan yang berohaniah. Asal-usul mereka akan dilupakan dan mereka akan hanya dikenali sebagai pertapa.

Kesihatan dan Kepuasan

Kesihatan merupakan harta yang paling bernilai, kepuasan pula merupakan kebahagiaan yang tertinggi.

Mulut yang Berbisa

Sejak lahir, di dalam mulut setiap individu terdiri pahat yang akan menyeksanya akibat pertuturnya yang menyakitkan hati.

Jangan Jadi seperti Ketam Menyuruh Anaknya Berjalan Betul

Seseorang harus mengamalkan terlebih

dahulu apa yang wajar diamalkan sebelum dia mengajar orang lain.

Seni Bertutur

Bercakap yang benar, bukan yang tidak benar. Ucapan sesuatu yang menyenangkan hati, bukan yang tidak menyenangkan hati. Bercakap yang benar, bukannya yang tidak benar. Hanya ucapan kata-kata yang tidak membawa penyesalan, yang tidak menyakitkan hati orang lain. Inilah pertuturan yang benar-benar baik.

Menakluki Diri Sendiri

Walaupun seseorang dapat menakluki jutaan manusia di medan peperangan, hakikatnya dia merupakan Penakluk yang paling Mulia apabila dia berjaya menakluki dirinya sendiri.

Kuatkan Minda Anda

Bagaikan batu padat yang tidak tergoncang dengan tiupan angin, seseorang yang bijaksana tidak akan dipengaruhi oleh kepujian maupun fitnah.

Kembangkan Minda Anda

Bagaikan hujan yang dapat menembusi atap rumah yang tidak dibina dengan sempurna, begitu juga nafsu indra dapat mempengaruhi minda yang tidak terlatih

Keyakinan Diri

Jangan bergantung kepada orang lain, pupuk keyakinan diri anda.

Berkhidmat kepada orang lain dengan bijak

Walaupun berkhidmat kepada orang lain, jangan sekali-kali mengabaikan pengembangan spiritual diri.

Berusaha Sendiri

Melalui kegigihan yang tidak pernah goyah, saya mencapai Pencerahan. Melalui usaha yang berterusan, saya mencapai kedamaian tertinggi. Jika anda juga berusaha berterusan, di dalam jangka masa yang singkat anda pun dapat mencapai matlamat kebahagiaan yang tertinggi melalui

pemahaman dan kesedaran hasil usaha anda sendiri.

Sentiasa Berwaspada

Seseorang muda dan sihat yang tidak berusaha ketika patut berusaha, yang lalai, yang hidup tanpa arah tujuan hidup serta malas tidak akan menemui jalan menuju kearifan.

Ketakutan

Ketakutan hanya wujud di dalam minda seseorang yang jahil, bukan bagi seseorang yang bijaksana.

Kedamaian Sebenar

Kedamaian sebenar datangnya daripada dalaman bukan daripada luaran

Terima dengan Bijaksana

Seseorang tidak patut menerima sesuatu kerana kepercayaan membuta tuli, tetapi sebaliknya mesti menggunakan budi bicara dan kebijaksanaannya sebelum menerima sesuatu.

Jangan malas

Lebih baik hidup sehari dengan
berusaha bersungguh-sungguh
daripada hidup seratus tahun bermalas
tanpa usaha.

Jalan Tengah

Amalkan Jalan Tengah tanpa bertindak
keterlaluan di dalam setiap aspek
kehidupan anda

Kekalkan Kecekalan Minda Anda

Apabila tubuh anda sakit, jangan
biarkan minda anda turut sakit

Kasih Sayang Suci

Kembangkan kasih sayang suci anda
kepada semua bentuk kehidupan tanpa
pilih kasih

Jalan Kehidupan yang betul

Seseorang yang hidup selaras dengan
jalan kehidupan benar akan mendapati
nilai kemuliaan itu sendiri akan
melindungi dan membimbingnya.

Jauhi Kejahanan

Sama ada untuk diri sendiri atau untuk orang lain, seseorang tidak patut berbuat jahat, walaupun untuk mendapatkan kekayaan, kekuasaan atau pun anak. Seseorang yang berfikiran sedemikian bertingkah laku mulia, bijaksana serta adil.

Minda yang Tidak Terpengaruh

Seseorang yang tidak pernah terfikir bahawa sesuatu harta adalah kepunyaannya serta tidak pernah merasai kekurangan sesuatu tidak akan bimbang kehilangan hartanya.

Asal Kewujudan

Tidak logik untuk mencari punca samsara (kitar kelahiran dan kematian) dan mencari asal-usul kewujudan pertama di dunia samsara ini selagi kita dibatasi oleh kejihilan dan dibelenggu oleh perpautan.

Menyemai Masa Depan Kita

Berasaskan benih yang anda tanam, itulah hasil yang anda akan kecapi. Orang yang melakukan kebaikan akan dibalas kebaikan. Orang yang melakukan kejahanan akan dibalas kejahanan.

Hukum Sebab dan Akibat

Keadaan kita di masa kini hasil perbuatan yang lampau. Masa depan kita pula hasil perbuatan kita di masa kini.

Anda Yang Bertanggungjawab

Salah laku anda bukan kerana ibu bapa, adik-beradik, kawan-kawan, ahli keluarga atau seseorang pertapa. Anda sendiri yang bertanggungjawab.

Tiada Tempat untuk Bersembunyi

Bukan di langit, di tengah lautan mahupun di pergunungan terdapat tempat perlindungan yang membolehkan seseorang lari daripada menerima akibat hasil perbuatan jahatnya sendiri.

Perbuatan Jahat

Selagi perbuatan jahat tidak memberi kesan kepada si bodoh, dia menganggap kejahatan seperti madu. Akan tetapi apabila hasil perbuatan jahatnya mula memberi kesan kepadanya, dia mula mengalami kesengsaraan.

Pencapaian Tertinggi

Apakah pencapaian tertinggi di dalam hidup?

Mencapai kearifan, amalan berbakti, bermoral dan bersifat kedermawan.

Kebahagiaan

Kegigihan yang berterusan beserta dengan kewaspadaan yang sempurna, hubungan setiakawan dan cara sara hidup yang seimbang akan memimpin kita ke arah kebahagiaan.

Kebahagiaan Berkat Meninggalkan Kehidupan Duniawi

Kebahagiaan tercapai hasil peninggalan hidup duniawi jauh lebih besar daripada kebahagiaan yang tercapai dengan kepuasan nafsu indera.

Kepercayaan Yang Salah

Kepercayaan bahawa segala-galanya hasil kamma yang lepas. Kepercayaan bahawa segala-segalanya kerana kuasa tuhan serta kepercayaan bahawa segala-segalanya wujud tanpa punca disebaliknya.

Empat golongan Manusia

Mereka yang menuju daripada kegelapan ke kegelapan, Mereka yang menuju daripada kecerahan ke kegelapan,

Mereka yang menuju daripada kegelapan ke kecerahan serta mereka yang menuju daripada kecerahan ke kegelapan.

Empat golongan Manusia

Mereka yang mementingkan diri sendiri dan mengabaikan orang lain.

Mereka yang mementingkan orang lain dan mengabaikan diri sendiri.

Mereka yang mengabaikan diri sendiri dan juga orang lain.

Mereka yang mementingkan diri sendiri dan juga orang lain.

Fikir Sebelum Bertindak

Sebelum ingin melakukan sebarang perbuatan secara fizikal, bertutur mahupun berfikir, fikirkan dahulu, "Adakah perbuatan ini akan menyebabkan penderitaan kepada diri sendiri atau orang lain atau pun kedua-duanya? Adakah perbuatan ini akan menyebabkan kesengsaraan?". Jika menyebabkan penderitaan dan kesengsaraan, jangan lakukan.

Fikir Semasa Bertindak

Semasa melakukan sebarang perbuatan

secara fizikal, bertutur mahupun berfikir, fikirkan dahulu, "Adakah perbuatan ini akan menyebabkan penderitaan kepada diri sendiri atau orang lain atau pun kedua-duanya? Adakah perbuatan ini akan menyebabkan kesengsaraan?" Jika menyebabkan penderitaan dan kesengsaraan, jangan lakukan.

Berfikir Selepas Anda Bertindak

Setelah melakukan sebarang perbuatan secara fizikal, bertutur mahupun berfikir, renungkan seperti berikut, "Adakah perbuatan ini telah menyebabkan penderitaan kepada diri sendiri atau orang lain atau pun kedua-duanya? Adakah perbuatan ini telah menyebabkan kesengsaraan?" Jika menyebabkan penderitaan dan kesengsaraan, jangan lakukan di masa akan datang.

Meditasi

Kembangkan meditasi berasaskan kasih sayang suci dan singkirkan perasaan dendam.
Kembangkan meditasi berasaskan belas kasihan dan singkirkan kekejaman.
Kembangkan meditasi berasaskan perasaan turut bergembira di atas kejayaan orang lain

dan jauhi hasad dengki. Kembangkan meditasi berasaskan ketidakkekalan hidup duniawi dan singkirkan sifat banggakan diri.

Pengawalan Diri ialah Penakluk yang Sebenarnya

Adalah lebih baik menguasai diri sendiri daripada menakluki orang lain. Tiada tuhan, mahu pun dewa, Mara atau pun Brahma yang mampu mengalahkan seseorang yang berjaya menguasai dirinya serta sentiasa mampu mengawal dirinya.

Anda Pelindung Diri Sendiri

Kita merupakan pelindung diri kita sendiri. Masakan ada pelindung lain yang wujud? Dengan pengawalan diri yang sempurna, seseorang memperolehi pelindung yang sukar dicari.

Anda Bertanggungjawab Terhadap Kesucian dan Kejahatan Anda

Sesiapa yang berbuat jahat dicemari oleh perbuatan jahatnya.
Sesiapa yang mengelak daripada berbuat jahat menyucikan dirinya.

Kesucian dan kekotoran batin bergantung kepada diri sendiri.
Tiada sesiapa yang dapat menyucikan orang lain.

Bertindak dengan bijak mengakhiri kesengsaraan

Jangan melakukan tindakan yang salah. Jangan alpa. Jangan menerima pandangan palsu. Dengan ini dunia kita (kitar hidup dan mati) tidak diteruskan lagi.

Ajaran Buddha

Tidak mengucapkan kata-kata yang menyakitkan hati, tidak melakukan kejahanatan, mampu mengawal diri mengikut Sila, pemakanan yang sederhana serta hidup bersendirian dan tekun berusaha untuk mencapai kesedaran tertinggi. Inilah ajaran Buddha.

Mengenepikan Kejayaan dan Kegagalan

Selepas peperangan, pihak yang menang mendapat kebencian. Pihak yang kalah pula hidup menderita. Seseorang yang tenteram akan hidup mengecapi kebahagiaan dengan

mengenepikan kemenangan dan juga kekalahan.

Nafsu Indera Penyebab Kesengsaraan

Daripada nafsu wujud penderitaan, daripada nafsu wujud ketakutan. Bagi mereka yang bebas daripada nafsu, tiada lagi penderitaan, apatah lagi ketakutan.

Pelanggaran Sila Memusnahkan Diri

Ibarat karat yang terbentuk pada besi yang kemudian memusnahkan besi (memakan diri) tersebut, begitu juga dengan perbuatan kita yang melanggar Sila membawa kita ke dunia kesengsaraan.

Senang Melihat Kesalahan Orang Lain

Kesalahan orang lain senang dilihat, tetapi kesalahan sendiri sukar dilihat. Ibarat mengangin padi membuat sekam padi yang banyak untuk menonjolkan kesalahan orang lain tetapi bijak menyembunyikan kesalahan diri dengan tipu muslihat seperti pemburu yang menyamar.

Anda Perlu Berusaha untuk Pembebasan diri Anda Sendiri

Anda sendiri yang perlu berusaha. Para Ariya hanya merupakan petunjuk jalan Kebebasan.

Mereka yang mengikuti Jalan ini dan tekun bermeditasi akan bebas daripada genggaman kejahatan.

Buddha Menyinari di Siang Hari Mahupun Malam

Matahari terbit pada waktu siang, bulan bersinar pada waktu malam, pahlawan pula menyinari di dalam pakaian seragamnya. Meditasi memberi Pencerahan kepada orang yang mulia. Akan tetapi, biar siang mahupun malam, Pencerahan Buddha akan tetap menyinari kita.

Hidup Bahagia

Kita harus hidup bahagia tanpa perasan benci.

Kita akan hidup bebas daripada kebencian walaupun di kalangan mereka yang mempunyai kebencian.

Sentiasa Terkawal

Dengan sentiasa mengawal gangguan fizikal

melalui pengawalan tubuh, kita menjauhi tindakan salah laku oleh tubuh disamping amalan fizikal yang betul. Dengan sentiasa mengawal gangguan pertuturan melalui pengawalan pertuturan, kita menjauhi pertuturan salah disamping menggunakan bahasa yang betul di dalam pertuturan. Dengan sentiasa mengawal gangguan mental melalui pengawalan fikiran, kita menjauhi fikiran jahat disamping mengikuti fikiran yang benar.

Individu yang mempunyai Pengawalan Sepenuhnya

Seseorang yang bijaksana mengawal tingkah laku, mengawal pertuturan serta mengawal fikiran. Sesungguhnya mereka mengawal segala-galanya.

Sedikit demi sedikit, dari semasa ke semasa

Seseorang bijaksana menghapuskan noda ibarat tukang emas yang membuang sisa pada emas.

Siapakah Si Bijaksana yang Sebenar

Bukan sekadar berdiam diri seseorang akan mencapai kebijaksanaan jika individu tersebut

jahil dan tidak berpelajaran. Akan tetapi, seseorang bijaksana bagaikan pemegang neraca yang mampu menerima perkara yang baik dan membuang yang jahat.

Sesungguhnya ini menunjukkan dia bijaksana.

Beliau bijaksana kerana dapat memahami kedua-dua dunia (yang baik dan jahat).

Cara Terbaik Menamatkan Kesengsaraan

Jalan yang paling mulia merupakan Jalan Mulia Lapan Lapis. Kebenaran yang paling mulia ialah Empat Kebenaran Mulia. Keadaan terbaik bagi manusia mencapai kebahagian ialah tiada perpautan (Nibbana). Inilah satu-satunya jalan untuk menyucikan minda.

Tiada jalan lain untuk menyucikan minda. Ikuti jalan ini yang dapat melepaskan diri daripada gangguan Mara (kejahanatan). Ikuti jalan ini dan anda akan dapat menamatkan kesengsaraan. Sesungguhnya inilah jalan yang saya tempohi apabila saya berusaha untuk menghapuskan punca penderitaan.

Ketagihan harus dihapuskan

Bagai pokok yang dibuang tunas, akan tumbuh kembali dan masih kuat jika akarnya tidak

dibinasa, begitu juga apabila ketagihan untuk keseronokan dunia tidak dimusnahkan, kesengsaraan akan terus wujud.

Pengawalan Diri

Bermanfaat mengawal mata kita, bermanfaat mengawal telinga kita, bermanfaat mengawal hidup kita, bermanfaat mengawal lidah kita, bemanfaat mengawal minda kita, bermanfaat mengawal diri kita di mana-mana sekali pun. Bhikkhu yang mengawal segala-galanya bebas daripada segala penderitaan.

Siapakah Bhikkhu yang Sebenarnya

Beliau merupakan seseorang yang mengawal perbuatannya, mengawal pergerakannya, mengawal pertuturnya, mempunyai kawalan minda yang tertinggi, mengecapi kebahagiaan serta kepuasan sejati. Dialah bhikkhu yang sebenarnya.

Bahaya Berbohong

Tiada kejahanan yang tidak dapat dilakukan oleh seseorang pembohong yang mengenepikan undang-undang (kebenaran) serta tidak mempedulikan hidup selepas mati.

Bertindak Dengan Sepatutnya

Walaupun seseorang banyak melafazkan Sutta tetapi tidak mengamalkannya, individu yang lalai ini seperti penjaga lembu yang menghitung lembu kepunyaan orang lain. Dia tidak akan mendapat berkat sebagai Pertapa (kerana sekadar menjaga harta orang lain tanpa menikmati hasilnya).

Walaupun hanya sedikit Sutta yang mampu dilafazkan tetapi tingkah lakunya selaras dengan ajaran Buddha dan beliau tekun menghapuskan perasaan tamak, hasad dengki dan kejahilan, berpengetahuan benar, mempunyai minda yang benar-benar bebas, bebas daripada kewujudan, beliau sesesungguhnya mendapat berkat sebagai Pertapa.

Berdikari

Melalui usaha, tekad, disiplin dan pengawalan kendiri, seseorang yang bijaksana membina pulau yang tidak dapat ditenggelami oleh banjir.

Kecekalan hati

Seseorang yang jahil berpuas hati di dalam lukah kelalaianya tetapi seseorang yang

bijaksana menyemai dan memupuk kecekalan
hati sebagai harta yang paling bernilai.

Ukur baju di badan sendiri

Seseorang individu tidak patut menilai orang lain, sama ada sesuatu kerja dilakukan atau tidak, sedangkan perbuatannya sendiri tidak menentu.

Amalan lebih Penting

Bagaikan bunga yang sekadar cantik serta menarik, tetapi tidak berbau wangi dan tidak mampu berbuah, begitu juga pertuturan manis seseorang yang hanya pandai bercakap tetapi tidak mengamalkan nasihatnya.

Jangan mensia-siakan masa dengan banyak berkata

Sepatah ayat yang berisi lebih baik daripada 1000 patah perkataan yang tidak berfaedah. Mendengar ayat yang bermanfaat itu pun cukup bagi seseorang memperolehi ketenangan.

Menghormati mereka yang lebih tua

Seseorang individu yang menghormati dan menyayangi mereka yang lebih tua akan

dibalas dengan umur yang panjang, kecantikan, kebahagiaan serta kecergasan.

Kehidupan Mulia untuk sehari

Walaupun dia dapat hidup beratus-ratus tahun tanpa kesusilaan dan kawalan, adalah lebih baik dia hanya hidup sehari dengan penuh kemuliaan serta tekun bermeditasi.

Tiada Manusia yang bebas daripada Cacian dan Pujian

Tidak pernah berlaku, tidak mungkin berlaku, tidak juga sekarang terdapat seseorang individu yang dicaci atau dipuji sepenuhnya.

Sepatah dua nasihat Buddha

Keadaan semua benda adalah sementara sahaja. Cuba jayakan matlamat anda dengan ketekunan.

UNTUK BUKAN MUSLIM SAHAJA